

Pencari suaka: PM Australia jamin Najib perjanjian kekal 'segar'
The Malaysian Insider
04 Oktober , 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 4 Okt — Perdana Menteri Australia Julia Gillard telah menghubungi rakan sejawatannya Datuk Seri Najib Razak untuk memberi jaminan bahawa kerajaan beliau kekal komited dengan perjanjian pertukaran pencari suaka yang dimeterai dengan Malaysia tiga bulan lalu.

Akhbar The Australian melaporkan bahawa Gillard (gambar) telah membuat panggilan kepada Najib dua minggu lalu ketika timbul kebimbangan bahawa debat mengenai perjanjian itu kemungkinan menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Panggilan itu dilihat sebahagian daripada usaha ahli-ahli politik Australia yang mahu menenangkan Putrajaya selepas ia berhadapan dengan kecaman ekoran rekod hak asasi manusia dan kelayakannya memproses pencari-pencari suaka.

"Perjanjian dengan Malaysia telah dibincangkan. Kedua-dua negara kekal komited dengan perjanjian," kata akhbar itu memetik jurucakap Gillard semalam.

Akhbar itu berkata tujuan utama panggilan itu ialah memaklumkan Najib perkembangan terkini mengenai implikasi keputusan mahkamah pada 31 Ogos lalu, yang memutuskan perjanjian itu sebagai tidak sah.

Laporan 20 September lalu menyebut Australia kemungkinan menguruskan pencari suaka di negara itu sendiri ekoran cadangan untuk diproses di negara lain — di Malaysia - dibantah pembangkang dan isu perundangan.

Sebelum itu, Gillard berkata kerajaannya akan menghidupkan semula perjanjian pertukaran pencari suaka selepas keputusan Mahkamah Tinggi negara itu menolak urusan sedemikian baru-baru ini.

"Malaysia telah menawarkan jawapan terbaik kepada (usaha menyelesaikan) isu pencari suaka dan pemerdagangan manusia sebelum ini. Ia menawarkan jawapan terbaik sekarang," kata Gillard.

Gillard berkata, kerajaan minoriti beliau akan cuba meminda undang-undang imigresen negara untuk mengatasi isu keputusan Mahkamah Tinggi.

Beliau yang menyandang jawatan itu sejak tahun lalu berhadapan dengan kemerosotan popularitinya, malah berhadapan dengan tekanan mendalam selepas mahkamah menghalang rancangannya untuk menghantar pencari suaka ke Malaysia.

Pada 31 Ogos lalu, Mahkamah Tinggi Australia memutuskan perjanjian berhubung urusan pertukaran pencari suaka antara Canberra dan Putrajaya sebagai tidak sah.

Pada 25 Julai lalu, Malaysia dan Australia menandatangani perjanjian bersejarah bagi pertukaran pelarian dan pemohon suaka di antara kedua-dua negara. Mengikut perjanjian dengan Malaysia, Australia akan menghantar 800 pencari suaka yang tiba di negara itu dengan bot, ke Malaysia bagi diproses tuntutan mereka untuk

diisytiharkan sebagai pelarian.

Australia pula akan menerima 4,800 pendatang dari Malaysia yang sudah diberi status pelarian oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pencari-suaka-pm-australia-jamin-najib-penjanjian-kekal-segar/>